

SOALAN NO. 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ZURAIDA BT KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 1 OGOS 2017 [SELASA]

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan perancangan dari pihak kementerian bagi meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuatan keputusan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 dan diikuti dengan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada 27 Jun 2011 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak.

Bagi sektor awam, berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, peratus wanita dalam pengurusan tertinggi telah meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 35.1 peratus pada tahun

2015 dan terkini kepada 35.8 peratus bagi tahun 2016. Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Manakala bagi sektor korporat, berdasarkan statistik dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sehingga Disember 2016 terdapat 421,308 orang wanita atau 29.9 peratus dari keseluruhan 1,410,862 orang ahli lembaga syarikat (syarikat swasta dan syarikat awam) di sektor korporat.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM telah pun melaksanakan Program Pengarah Wanita dan menggariskan pelantikan atau dengan izin *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam sektor korporat (syarikat swasta dan syarikat awam) sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Pencapaian *placement* wanita tersebut sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam sektor korporat setakat ini telah pun mengatasi Negara Singapura dan Jepun .

Secara perbandingan dengan negara-negara ASEAN, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang meletakkan sasaran dan dasar

sekurang-kurangnya 30 peratus serta mengambil langkah untuk mencapai sasaran tersebut.

Bagi wanita dalam pembuat keputusan di bidang politik pula, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah membuat perancangan seperti berikut:

- i) Mengadakan latihan membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda;
- ii) Mengkaji keperluan menetapkan sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai calon pilihan raya bagi setiap parti di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri;
- iii) Mengenal pasti dan mengiktiraf serta menyediakan senarai bakal pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber di semua peringkat kepimpinan organisasi politik;
- iv) Mengenal pasti halangan untuk menceburi bidang politik;

- v) Memberi latihan dan kempen kesedaran di kalangan semua ahli politik wanita bagi membolehkan mereka mengatasi halangan yang dikenal pasti; dan
- vi) Menggalakkan parti politik mengadakan pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam kepimpinan.

Secara keseluruhannya, sasaran 30 peratus dalam sektor awam telah tercapai dan ada yang telah melepasi sasaran. Manakala sektor korporat pula hampir mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Namun begitu, pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan peratusan wanita sebagai pembuat keputusan akan terus meningkat dan tidak hanya berada di tahap 30 peratus sahaja. Usaha dan inisiatif berterusan akan diambil bagi mendapatkan penglibatan wanita yang lebih meluas. KPWKM juga percaya pencapaian ini bukan setakat memberi manfaat kepada kaum wanita tetapi pembangunan negara yang lebih mapan.